

1982

KUALA LUMPUR, 25 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMNO MESTILAH MENENTUKAN MALAYSIA DITADBIR DENGAN LEBIH LICIN DAN BANGUN MENJADI SEBUAH NEGARA YANG DIHORMATI OLEH DUNIA.

UMNO JUGA MESTILAH MEMAINKAN PERANAN SUPAYA NEGARA INI MAJU DAN BERUPAYA MEMPERTAHAKAN DIRINYA SERTA MEMPUNYAI KEMAMPUAN BERDIKARI

TANPA DUDUK DI BAWAH TELUNJUK MANA-MANA PIHAK.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN DEMIKIAN DALAM WAWANCARA KHAS YANG DISIARKAN DALAM KELUARAN TERBARU +MERDEKA+ LIDAH RASMI UMNO MALAYSIA SEMPERA ULANGTAHUN KEMERDEKAAN NEGARA YANG KE-25.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA YANG PALING UTAMA BELIAU INGIN MELIHAT UMNO MENJADI PARTI YANG STABIL, TERUS MEMBESAR, BERKUASA, BERDISIPLIN.

SELAIN ITU UMNO HENDAKLAH WUJUD KHUSUSNYA KERANA KEPENTINGAN ORANG MELAYU YANG KESEMUANYA BERAGAMA ISLAM DAN KEPENTINGAN NEGARA YANG MEMPUNYAI PENDUDUK BERBILANG BANGSA. --LAGI 1728/OM

MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO INGIN MELIHAT PARTI ITU TERUS KEKAL DAN HAKIKAT BAHAWA IA KEKAL SEHINGGA BERUSIA 36 TAHUN SEKARANG TANPA PERPECAHAN ADALAH SATU KEJAYAAN YANG BUKAN KECIL.

KATANYA, KEBANYAKAN PARTI LAIN YANG BERJAYA DALAM PERJUANGANNYA MENCAPAI KEMERDEKAAN BAGI NEGARANYA, SETELAH MERDEKA, DIRENDONG PERPECAHAN SEHINGGA TIDAK DAPAT DISATUKAN SEMULA.

TETAPI UMNO WALAUPUN SEDIKIT SEBANYAK MENGALAMI PERSELISIHAN FAHAM DI ANTARA PEMIMPIN DAN ANGGOTANYA, MASIH TERUS MENJADI SEBUAH PERTUBUHAN YANG TEGUH DENGAN KEKUATAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH DAN ANGGOTA YANG MAKIN MENINGKAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMNO MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI.

"KALAU UMNO TIDAK MENGAMALKAN DEMOKRASI TENTULAH ORANG MACAM SAYA TIDAK MEMPUNYAI PELUANG SAMA SEKALI," UJARNYA.

BELIAU JUGA MENGAKUI UMNO MEMPUNYAI SEDIKIT NILAI "FEUDAL" TETAPI TIDAKLAH BEGITU KUAT SEHINGGA TIDAK ADA PELUANG LANGSUNG BAGI ORANG-ORANG BIASA MEMAINKAN PERANAN YANG BESAR DALAM PARTI.

-- LAGI 1726/LK.

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYEBUT BAHAWA UMNO PERNAH MEMECATKNYA TETAPI INI TIDAK BERMAKNA BELIAU TIDAK DITERIMA LANGSUNG OLEH PARTI ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN BELIAU DIPECAT BELIAU MASIH MENYANJUNG TINGGI PERJUANGAN UMNO DAN AKHIRNYA DITERIMA SEMULA KERNA KEPERCAYAAN ANGGOTA SEHINGGALAH BELIAU MENINGKAT KE PUCUK PIMPINAN PARTI.

BELIAU PERCAYA NASIB SEUMPAMA YANG DITEMPUHI OLEH BELIAU ITU MUNGKIN JUGA AKAN DIDAPATI OLEH ORANG LAIN.

MENGENAI ISLAM, PERDANA MENTERI BERKATA, SEBAGAI PARTI YANG BERASASKAN KEBANGSAAN UNTUK MEMBELA BANGSA UMNO TELAHJUGA BERJUANG MEMELIHARA AGAMA ISLAM.

+KALAU KITA TIDAK ADA PERASAAN KEBANGSAAN SEMASA BRITISH MENTADBIR TANAH MELAYU, SAYA PERCAYA KITA TIDAK MUNGKIN DAPAT MENEWASKAN RANCANGAN BRITISH KERANA KITA MUNGKIN BERHARAP KEPADA ORANG ISLAM

LAIN UNTUK MEMBANTU KITA.

SEBALIKNYA KERANA PERASAAN KEBANGSAAN KITA KEPADA NEGARA DAN KERANW TANGGUBGJAWAB, KITA BERJUANG DAN PERJUANGAN ITU AKHIRNYA MENYELAMATKAN AGAMA ISLAM DI NEGARA KITA, + TEGASNYA. --

BERNAMA 1738/OM